



Aktiviti KoKurikulum di Sekolah Swasta Terpilih Melahirkan Pelajar Berdikari–Analisis Kualitatif

ABDUL MUNIR ISMAIL¹, ZULKIFLI OSMAN² & AHMAD EFFAT MOKHTAR³,

^{1,2}*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak, MALAYSIA*

³*Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Pahang, MALAYSIA*

Email: abdmunir@fsk.upsi.edu.my Tel: +60139340951

Received: November 22, 2020

Accepted: December 08, 2020

Online Published: December 12, 2020

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di empat buah sekolah menengah swasta dapat melahirkan pelajar yang mampu berdikari dalam masing-masing kerjaya. Ada segelintir masyarakat mengatakan aktiviti kokurikulum hanyalah sebagai memenuhi waktu pelajar semasa di sekolah sahaja. Persepsi tersebut kurang tepat dan tidak berasas. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat. Seramai enam orang pelajar senior dari empat buah sekolah swasta di negeri Selangor dipilih sebagai responden. Penyelidik menggunakan kaedah temubual berfokus bagi mendapatkan maklumat responden. Dapatan kajian dibentangkan dalam bentuk deskriptif iaitu huraian terhadap objektif kajian. Kajian mendapati aktiviti kokurikulum nasyid dan bermain alat muzik, berkebun sayur, memelihara ikan air tawar dan menternak binatang diterapkan kepada pelajar. Ada pun aktiviti memasak, menjahit pakaian dan berniaga kecil-kecilan menjadi suatu kerjaya yang menjana pendapatan yang lumayan kepada pelajar. Hasil kajian ini sangat relevan terhadap remaja bahawa aktiviti bermain alat muzik, berkebun sayur, memelihara ikan air tawar dan menternak binatang merupakan sumber pendapatan yang sesuai diceburi masa kini. Menerusi aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah para pelajar mengasah bakat mereka untuk kerjaya masing-masing. Hal ini secara tidak langsung menyuburkan aktiviti ekonomi semasa.

Kata kunci: aktiviti; kokurikulum; pelajar; sekolah swasta.

1. Pendahuluan

Konsep pembelajaran di luar bilik kelas yang menarik dan pelbagai bukan sahaja mendorong pelajar untuk menyertainya tetapi sebagai wadah peluang kerjaya mereka di masa hadapan, (Hamedah Wok Awang & Normah Teh, 2009). Polisi Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), pembelajaran di luar bilik kelas juga dikenali sebagai aktiviti kokurikulum merupakan salah satu kaedah untuk pelajar menuntut ilmu yang bersifat membina minda, membentuk sikap kepimpinan, membina asas kemahiran dalam pelbagai aspek. Menurut Lim Peng Geok (2018), kegiatan kokurikulum sekolah juga berfungsi sebagai pelajar melakukan sesuatu program di luar bilik kelas bersama rakan-rakan pelajar. Yahya Don & Ibrahim (2019) menjelaskan bahawa kegiatan kokurikulum sekolah di Malaysia merupakan suatu bentuk pembelajaran yang wajib dihadiri oleh pelajar kerana ia termasuk dalam kurikulum peringkat nasional. Menurut Abu Bakar Nordin (2013) dan disokong oleh Herppich, S. (2017) bahawa kokurikulum bertujuan untuk pengembangan minda mencakupi pengetahuan, keterampilan, norma, nilai, unsur budaya dan kepercayaan untuk membantu perkembangan pelajar yang dididik secara mantap zahir dan batin. Disamping itu, pandangan Curtin University (2018) mengatakan bahawa emosi pelajar perlu ditanam dengan nilai-nilai moral yang tinggi dalam aspek kegiatan kokurikulum. Matlamat kokurikulum yang ingin disampaikan kepada pelajar adalah untuk memberikan pengetahuan yang mendalam menerusi aktiviti luar kelas yang menarik minat pelajar menyertainya secara berterusan, (Asadullah, M. Niaz, 2018).

Menurut Ng, S. B. (2015), mereka yang menjawab jawatan sebagai guru sama ada di sekolah rendah atau menengah hendaklah mengetahui tata cara mengurus, merancang dan menyelia pelajar menjalani aktiviti kokurikulum dengan baik. Michael, S. and Ambotang, A. S. (2019) menjelaskan bahawa peranan guru bukan sahaja sebagai mengajar dalam kelas, tetapi guru diamanahkan dengan bebanan mengelola kokurikulum bersama pelajar agar aktiviti kokurikulum berjalan dengan lancar dan berkesan kepada pelajar sekolah. Jika dirujuk kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (2016), matlamat diwujudkan pendidikan aktiviti kokurikulum di sekolah bertujuan untuk (a) memberi kesedaran serta penghayatan pelajar terhadap kesedaran beragama yang dianuti masing-masing. (b) Membangunkan pendidikan mental, spiritual dan fizikal para pelajar secara seimbang. (c) Mengukuhkan interaksi sosial dan pergaulan sihat yang melibatkan komunikasi berkesan para pelajar. (d) Membina dan mencungkil bakat terpendam pelajar terhadap sesuatu aktiviti kokurikulum. (e) Melatih pelajar tentang pengamalan tahap disiplin yang tinggi. (f) Mendedahkan pelajar dengan masyarakat sekeliling agar terjalin hubungan yang baik antara sekolah dan masyarakat.



Tujuan pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah sebagai wadah memberi pengalaman dan pengetahuan baharu kepada pelajar. Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) menjelaskan aktiviti kokurikulum dapat dikategorikan sebagai kegiatan luar kelas seperti pasukan pakaian beruniform, aktiviti rekreasi, sukan, permainan dalaman, aktiviti pertanian dan sesuatu aktiviti yang dibenarkan oleh pihak sekolah. Menerusi aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan kepada pelajar di sekolah, ia dapat mengasah bakat terpendam pelajar yang dizahirkan melalui minat dan kecenderungan pelajar terhadap sesuatu aktiviti kokurikulum. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017).

Longfield, David & James Tooley (2017) mengatakan pencapaian kokurikulum pelajar sekolah-sekolah swasta dinilai menerusi pelbagai aspek. Salah satu daripadanya ialah kemahiran insaniah yang mencakupi komunikasi berkesan, kemahiran bermain alat muzik, kerajinan bertani, kemahiran berpidato, kemahiran bertukang kayu dan kecekapan dalam bidang perniagaan, (Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir & Soaib Asimiran, (2013). Ia merupakan salah satu aspek terpenting dalam pengukuran pencapaian kokurikulum. Kemahiran insaniah amat berkait rapat dengan pasaran kerjaya yang bakal diharungi selepas pelajar tamat pengajian. Kenyataan ini disokong oleh Hishomudin Ahmad, Mohd Faisol Ibrahim & Nabilah Yusof (2017) dengan mengatakan pencapaian kokurikulum yang bersifat generik iaitu kemahiran insaniah adalah sangat penting bagi menampilkan pelajar menguasai sesuatu bidang. Antaranya kemahiran komunikasi awam, personaliti diri yang meyakinkan dan kecemerlangan pembelajaran. Menurut Nurhadi (2018) untuk mencapai matlamat pencapaian aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah swasta, pelajar wajib melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang dibuat dalam kelas atau di luar kelas. Mohd Azam Muhammad Akhir, Muhammad Nubli Abdul Wahab, Zarina Mohd Ali (2016) menjelaskan bahawa kebanyakan aktiviti kokurikulum sekolah swasta di Malaysia melaksanakan pada hujung minggu seperti hari Sabtu atau Ahad. Situasi ini termasuk dilaksanakan di sekolah yang pelajaranya tinggal di asrama.

2. Masalah Kajian

Aktiviti kokurikulum biasanya dilakukan di luar bilik kelas, tetapi ada juga aktiviti kokurikulum dilakukan dalam bilik kelas berdasarkan kesesuaian aktiviti. Sebagaimana yang ketahui bahawa aktiviti kokurikulum adalah sebahagian daripada proses pembelajaran di sekolah. Ahmad Esa, Mohd Khir Mohd Nor, Nawawi Jusoh, Norashidah Abd Rahman & Zalinah Salehon (2015) mengatakan pelaksanaan aktiviti kokurikulum biasanya dilakukan di luar kelas dan dalam keadaan tertentu kegiatan kokurikulum boleh dibuat dalam kelas dan kegiatan pelajar di luar kelas mendatangkan masalah terhadap pengawasan pelajar. Tidak dinafikan bahawa terdapat pandangan masyarakat mengatakan aktiviti kokurikulum sekadar menghabiskan masa pembelajaran pelajar sahaja. Menurut Nor Hidayah, A. D. & Yusmaria (2014), pelajar kurang berupaya untuk mengembangkan minat, pembentukan nilai-nilai murni, interaksi sosial yang positif serta mengasah bakat pelajar secara berterusan. Menurut Imelda (2016), menerusi pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang pelbagai dan pelajar terlibat secara langsung dalam aktiviti, kurang dapat menarik minat pelajar bagi memupok budaya pembelajaran yang menarik dan juga melahirkan pelajar berdikari.

3. Objektif Kajian

Objektif kajian ialah untuk membincangkan beberapa aktiviti kokurikulum yang dipraktikkan di sekolah swasta terpilih dapat melahirkan pelajar yang berdikari di masa depan.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu penyelidikan menerangkan situasi yang berlaku pada masa kajian ini dijalankan, (Steinfatt, T. M., & Millette, D. M, 2019). Menurut Azizi Yahaya (2017), kaedah temubual berstruktur melibatkan lima orang responden yang memahami secara mendalam aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan. Bagi mendapatkan maklumat, pengkaji menggunakan kaedah eksplorasi menerusi semakan dokumentasi laman sesawang aktiviti kokurikulum pelajar di sekolah terlibat. Cadangan Creswell, J.W. (2013) kaedah ini dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian terhadap kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan kepada pelajar wanita. Dari aspek prosedur mendapatkan maklumat, pengkaji akan membuat temujanji dengan responden terpilih, (Mohajan, H. K., 2018). Waktu dan lokasi temubual dilaksanakan di lokasi yang sesuai dan dipersetujui oleh responden. Data dianalisis menggunakan kaedah huraian deskriptif. Dapatan huraian maklumat dari responden ditulis sebagai R1 hingga R6.

Lokasi kajian ini tertumpu di empat buah sekolah swasta di negeri Selangor yang dikenalpasti sebagai melaksanakan sistem pengajian kokurikulum yang tersendiri. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Swasta Global, Rawang. Sekolah Menengah Swasta Kebajikan Perempuan, Puchong. Sekolah Tahfiz Vokasional Kuala Kubu Bharu dan Sekolah Menengah Latihan & Vokasional Puchong.



5. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Aktiviti bermain alat muzik dan nasyid

Berdasarkan temubual R1, beliau mengatakan bahawa aktiviti bermain alat muzik dan aktiviti bernasyid merupakan salah satu aktiviti kokurikulum yang sangat diminati oleh para pelajar. Mereka juga sudah membentuk satu kumpulan nasyid dan beberapa orang kawannya bermain alat muzik. Walaupun masih berstatus pelajar, kumpulan nasyid mereka sering dijemput oleh masyarakat setempat dalam majlis perkahwinan. Kumpulan nasyid mereka sering menerima tempahan dalam acara bermain alat tradisional seperti kompang, gambus dan nyanyian lagu-lagu Arab bertemakan 'padang pasir'. R1 ada menyatakan aktiviti kokurikulum yang diterapkan di sekolah swasta dapat membentuk kumpulan nasyid yang memahami keperluan budaya masyarakat setempat. Mereka juga mempunyai rasa yakin diri yang tinggi ketika membuat persembahan pada sesuatu aktiviti. Pandangan ini disokong oleh Marsh, K., & Young, S. (2016) bahawa pelajar perlu didedahkan dengan bermain alat muzik bertujuan bagi membina sikap yakin diri dalam masyarakat. Menurut Abdul Rasid Jamian, Hasmah Ismail (2013), aktiviti ini wajar digalakan kepada remaja peringkat sekolah menengah kerana dapat menghindarkan diri remaja dari terjerumus kepada aktiviti yang tidak sihat seperti melepak, merempit, mengambil barangan terlarang dan sebagainya. Zainal Ariffin Zainuddin (2016) menjelaskan bahawa aktiviti bermain alat muzik dan nasyid ini perlu dilakukan secara berasingan pelajar lelaki dan wanita bagi mengelakkan salah faham masyarakat terhadap remaja.

Aktiviti berkebun sayur, menternak binatang dan ikan air tawar

Berdasarkan temubual R2, beliau mengatakan bahawa aktiviti menternak binatang ternakan seperti ayam, burung, kuda, kambing, rusa, pelihara ikan dalam kolam merupakan suatu aktiviti yang menyeronokkan dan sangat mencabar. Pihak sekolah memberi pilihan kepada pelajar untuk memilih tiga aktiviti iaitu berkebun sayur, menternak binatang dan memelihara ikan dalam kolam. Para pelajar diwajibkan memberi fokus kepada salah satu aktiviti tersebut sebagai suatu projek khas mereka. Pihak sekolah menyediakan kemudahan asas untuk aktiviti memelihara binatang ternakan seperti ayam, burung, kuda, kambing dan rusa. Manakala aktiviti menternak ikan air tawar dalam kolam biasanya mendapat sambutan yang menggalakan daripada pelajar lelaki yang senior. Menurut Afnan Faiz Ridzuan bin Ahmad & Jasni Sulong (2019), pelajar sekolah perlu didedahkan dengan aktiviti pertanian kerana pertanian itu suatu bidang perniagaan yang menguntungkan. Para pelajar hendaklah mengambil peluang mempelajari teknik penanaman sayur-sayuran dan menternak ikan dalam sangkar.

Aktiviti sukan (*outdoor dan indoor*)

Berdasarkan temubual R3, beliau mengatakan bahawa aktiviti menunggang kuda dan memanah merupakan sukan lasak yang bertaraf eksklusif dan melibatkan pelajar lelaki sahaja. Sukan menunggang kuda hanya terhad kepada pelajar yang betul-betul berminat kerana melibatkan kewangan dan yuran mengurus penjagaan kuda yang banyak. Menurut Amalia Pintenate, Bukhari (2017), kuda untuk kegunaan bersukan memerlukan penjagaan rapi daripada pemiliknya. Kuda untuk aktiviti bersukan perlu diberi makanan khusus agar stamina kuda berfungsi dengan baik. Menurut R3, antara manfaat kepada pelajar dalam aktiviti kokurikulum menunggang kuda ialah sebagai hobi, sipenunggang dapat meningkatkan daya ingatan pada otak manusia. Dengan demikian, mereka mampu mengingat dan menyelesaikan banyak masalah yang berkaitan hobi menunggang kuda. Selain itu, komunikasi dua hala dengan kuda sangat penting dalam aspek keselamatan sukan berkuda. Berdasarkan temubual R3, beliau mengatakan bahawa aktiviti sukan memanah merupakan sukan yang memerlukan kekuatan fizikal pada tangan dan bahu. Sukan memanah termasuk dalam kategori sukan outdoor yang bersifat statik. Terdapat banyak kelebihan dalam sukan memanah. Berdasarkan rujukan dalam portal Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi laman sesawang <http://aktif.myhealth.gov.my/memanah/21> November 2020, menyatakan aktiviti memanah dapat mengawal emosi secara berfokus, membina otot pada bahagian perut hingga atas bahagian bahu, menambahkan fleksibiliti pada bahagian jari tangan, meningkatkan daya kekuatan mental dan fokus tumpuan objek dan merehatkan fikiran serta tahap yakin diri dalam sukan memanah. Hal ini termasuklah dalam sukan bermain dart (*indoor*) yang hampir menyamai sukan memanah. Ini mengikut kesesuaian jenis aktiviti dan waktu pelaksanaan.

Aktiviti menjahit dan memasak

Berdasarkan temubual R4, beliau mengatakan bahawa aktiviti menjahit dan memasak merupakan aktiviti yang wajib disertai oleh pelajar wanita sehingga tamat pengajian. Aktiviti menjahit sangat penting dipelajari oleh kaum wanita masa kini kerana peluang menjana ekonomi melalui aktiviti menjahit sangat luas. Menurut Aliva Rosdiana, Hayu Dian Yulistianti, Azzah Nor Laila (2018), aktiviti menjahit pakaian kanak-kanak, baju wanita dan menjahit kain langsir memberi peluang ekonomi yang sangat diperlukan khususnya kepada kaum wanita masa kini. Sementara itu berdasarkan temubual R5, aktiviti memasak adalah sangat digemari oleh kebanyakan pelajar wanita. Mereka diberi pendedahan memasak pelbagai masakan moden dan tradisional dengan ditunjuk ajar oleh tukang masak berpengalaman. Pandangan ini disokong oleh Noor Azzam Syah Mohamed & Suria Baba. (2016), bahawa peranan guru pembimbing sangat penting memberi praktikal memasak secara berterusan kepada pelajar.



Aktiviti berniaga

Berdasarkan temubual R6, beliau mengatakan bahawa aktiviti berniaga melibatkan pelajar lelaki dan wanita. Pada sesi petang pelajar wanita akan dilibatkan dengan aktiviti perniagaan seperti kedai koperasi yang menjual barangan runcit, pengurusan homestay, kedai dobi layan diri, restaurant makanan segera dan jualan minuman berkonsepkan kios. Berdasarkan temubual R6, bagi pelajar lelaki pula mereka melibatkan diri dengan aktiviti proses pembuatan dan jualan taueh, tauhu, sayur-sayuran segar, roti dan biskut yang dijual kepada orang awam. Apabila ditanya tentang aktiviti berniaga mengganggu aktiviti pembelajaran, R6 menjelaskan aktiviti ini tidak sama sekali terjejas pembelajaran. Aktiviti kokurikulum dilakukan secara bergilir-gilir pada waktu petang dan hari Sabtu dan Ahad. Aktiviti berniaga ini akan diseliaantau oleh guru bertugas khas bidang kokurikulum.

6. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di luar kelas dilihat sebagai mempunyai kesan kepada para pelajar. Ini kerana proses pembelajaran kokurikulum itu dapat mengukuhkan pemahaman pelajar terhadap aktiviti rutin yang dilakukan secara praktikal. Hal ini jelas menerusi aktiviti pelajar peringkat menengah swasta dilihat lebih terdedah dengan aktiviti kokurikulum yang berkaitan langsung dalam kehidupan harian. Jika dibandingkan dengan sekolah harian yang tiada melaksanakan program seperti bertani, memelihara ikan dan menternak binatang peliharaan. Pelajar tidak dinafikan mendapat ilmu pengetahuan melalui pembelajaran dalam kelas. Selain itu, waktu pembelajaran hanya melibatkan beberapa jam sahaja, namun aktiviti kokurikulum itu sangat penting sebagai mendidik pelajar menghadapi cabaran masa depan. Pelajar terlibat dalam aktiviti kokurikulum di sekolah swasta terbabit disarankan supaya memantapkan pelbagai kemahiran ilmu yang bermanfaat. Pengkaji berharap pelajar yang keluar dari sekolah menengah swasta tersebut mampu memenuhi peluang pekerjaan yang diperlukan dalam masyarakat diluar sana.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana telah mendaftarkan Geran Penyelidikan Luar Kod kajian: 2020-0007-106-10.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (The Implementation Fun Learning in Teaching and Learning Malay Language). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM* (Malay Language Education Journal-MyLEJ) Vol. 3, Bil. 2 (Nov. 2013): 49-63.
- Abu Bakar Nordin. (2013). Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif dan Inovatif. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Bil.1. Isu 1: 10-18.
- Afnan Faiz Ridzuan bin Ahmad & Jasni Sulong (2019). Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah: Perspektif Masalah Daripada Perspektif Islam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, Vol. 7, n. 2, p. 1-9, dec. 2019.
- Ahmad Esa, Mohd Khir Mohd Nor, Nawawi Jusoh, Norashidah Abd Rahman & Zalinah Salehon. (2015). *Citra Kokurikulum*. Penerbit UTHM. Vol. 2, 43 – 51.
- Aliva Rosdiana, Hayu Dian Yulistianti, Azzah Nor Laila (2018). Pelatihan Pemanfaatan Kain Perca Sebagai Ape *Pillow Doll* Untuk Pembelajaran Anak Usia Dini Di Kuwasen Jepara. *Journal of Dedicators Community JDC* Vol. 2, No. 1 Januari 2018. 1-7.
- Amalia Pintenate, Bukhari (2017). Pacuan Kuda Dalam Kajian Sosiologi. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa FISIP Unsyiah*. Volume 2, No. 2: 907 – 926 Mei 2017.
- Asadullah, M. Niaz. (2018). “Madrasah for Girls and Private School for Boys ? The Determinants of School Type Choice in Rural and Urban Indonesia”. *International Journal of Educational Development* (November 2018): 96–111.
- Azizi Yahaya (2017). *Research Methods in Education*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. Pendidikan Moral Tingkatan Dua. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Creswell, J.W. (2013). *Qualitative inquiry and research design-Choosing among five approaches*. (3rd ed.). Los Angeles: Sage Publications.



- Curtin University. (2018). Curtin Learning and Teaching. Collaborative Learning. Retrieved from Curtin University website: https://clt.curtin.edu.au/teaching_learning_practice/student_centred_collaborative.cfm.
- Hamedah Wok Awang & Normah Teh. (2009). Sekolah sebagai Pembangun Modal Insan. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Herppich, S. (2017). Teachers' assessment competence: integrating knowledge, process and product-oriented approaches into a competence-oriented conceptual model, Teaching and Teacher Education, <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.12.001>.
- Hishomudin Ahmad, Mohd Faisol Ibrahim & Nabilah Yusof. (2017). Penjajaran Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah Kluster & Kecemerlangan dan Universiti Penyelidikan: Tinjauan Awal. e-Academia Journal (<http://journal-e-academia.uitm.edu.my/v2/index.php/home>) Vol. 6 (1), 1-6.
- Imelda Manu Matthew. (2016). *Aktiviti Kokurikulum (Konsep, Matlamat, Strategi dan Perlaksanaan)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Buku Panduan Pengurusan Aktiviti Kokurikulum Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lim Peng Geok (2018). A Case Study in An Educational Institution About A Change Innovation Initiative. *Jurnal Kurikulum*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Longfield, David & James Tooley. (2017). "School Choice and Parental Preferences in a Poor Area of Monrovia." *International Journal of Educational Development* 53:117–27.
- Marsh, K., & Young, S. (2016). Musical play. In G. McPherson (Ed.), *The child as musician: A handbook of musical development* (2nd ed., pp. 462–484). Oxford, UK: Oxford University Press.
- Michael, S. and Ambotang, A. S. (2019). "Hubungan Pengurusan Kokurikulum dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), pp. 202 - 207.
- Ministry of Education, Malaysia. (2018). National Preschool Standards-Based Curriculum. Putrajaya: Ministry of Education.
- Mohajan, H. K. (2018). Qualitative research methodology in social sciences and related subjects. *Journal of Economic Development, Environment and People*. 1 (2), 10-18.
- Mohd Azam Muhamad Akhir, Muhammad Nubli Abdul Wahab, Zarina Mohd Ali (2016). Pengukuran dan Penilaian Tahap Emosi Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum: Permasalahan dan Cadangan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. Bil.1. Isu 2: 72-82.
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir & Soaib Asimiran (2013). Hubungan Persekitaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah dalam *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38 (2) (2013): 1- 9.
- Ng, S.B. (2015). Conception of Thoughtful Teaching by Four Master Teachers in Malaysia. *The Malaysian Journal of Qualitative Research*, 3(1), 44-59. Malaysia Qualitative Research Association Malaysia.
- Noor Azzam Syah Mohamed & Suria Baba. (2016). Proses Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum Yang Diamalkan oleh Kumpulan Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Menengah Harian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Bil. 3, Isu 3, 17–43.
- Nor Hidayah, A. D. & Yusmaria. (2014). Persepsi pelajar terhadap penglibatan aktiviti kokurikulum di Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor. Paper presented at Kolokium Penyelidikan & Inovasi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Selangor.
- Nurhadi. (2018). Pemilihan Sekolah Swasta Berbasis Agama dalam Perspektif Angst Society JSW: *Jurnal Sosiologi Walisongo* – Vol 2, No. 2 (2018), 203-216.
- Steinfatt, T. M., & Millette, D. M. (2019). Intercultural communication. In *An Integrated Approach to Communication Theory and Research, Third Edition*. <https://doi.org/10.4324/9780203710753-26>
- Yahya Don & Ibrahim (2019). The Effectiveness of Teacher Leadership and Students Involvement in Co-Curricular Activities in Malaysia Secondary School. *Borneo International Journal of Islamic Studies*, Vol. 1(2), 2019 129 - 145.
- Zainal Ariffin Zainuddin. (2016). Pengurusan Kokurikulum dan Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Terengganu. Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 891 - 900 ISSN. 2548 – 6160 International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM - UMSIDA, 25 - 27 October 2016, Universiti Utara Malaysia. Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.626>.